



# Pengenalan

- Rakan Pembimbing Perkhidmatan Awam merupakan nama khusus bagi pegawai yang dilantik sebagai Pembimbing Rakan Sekerja sepertimana dikehendaki dalam PP 18/2005.
- Rakan Pembimbing merupakan agen penggerak kepada pelaksanaan budaya kerja kelas pertama dalam perkhidmatan awam.
- Ia diwujudkan dengan objektif bagi menyediakan perantaraan untuk memberi peluang pegawai berfungsi secara efektif dalam usaha membantu Pengurusan Sumber Manusia di agensi.
- Disamping itu, Rakan Pembimbing juga bervisi menjadi penyumbang kepada usaha modal insan dalam Pengurusan Sumber Manusia.





# Pengenalan

- Ciri-ciri yang dikehendaki ada pada mereka yang telah menjadi ahli AKRAB.

**A : Amanah**

**K : Komitmen**

**R : Rasional**

**A : Akhlak**

**B : Bestari**





## Penjenamaan semula AKRAB

“Merupakan satu transformasi ahli AKRAB dalam menghasilkan ahli yang bestari dan bijaksana” .....

(petikan ucapan Tan Sri KPPA dalam Majlis  
Pertauliahan AKRAB 2009)





# Logo dan Makna

**Lambang Persekutuan**  
- berkhidmat dengan ikhlas  
untuk negara

**Bulatan**  
- kesepaduan,  
bersatu hati

**Tiga (3) orang**  
- semangat, setiakawan,  
sepakat,  
kerjasama dan  
muhibbah



**Biru**  
- Ketenangan,  
keharmonian, warna  
kehidupan, kesetiaan  
dan kemanusiaan

**Merah**  
- bersedia  
membantu dan  
membimbing

**Kuning**  
- keceriaan, bebas  
dari belunggu masalah





# VISI, MISI, MOTO dan Objektif

## VISI

Menjadikan AKRAB sebagai Penggerak Pembangunan Modul Insan dalam Pengurusan Sumber Manusia.

## MISI

- . \* Melaksanakan aktiviti khidmat membimbing kepada warga organisasi;
- . \* Membantu pegawai yang memerlukan bantuan dalam menghadapi permasalahan kehidupan;
- . \* Berperanan sebagai pengantara antara pegawai dengan pegawai psikologi dalam membuat saringan kesesuaian masalah; dan
- . \* Mewujudkan hubungan baik dengan pihak pengurusan sumber manusia di agensi bagi memudahkan pelaksanaan aktiviti AKRAB.





# Visi, Misi, Moto dan Objektif

## **MOTO**

• “Berkhidmat Membimbing”

## **OBJEKTIF**

• Menyediakan perkhidmatan membimbing bagi membantu rakan sekerja bagi meningkatkan potensi dan kecemerlangan diri.





# Falsafah, Prinsip, Peranan dan Etika

## FALSAFAH

Sebagai ahli AKRAB , anda perlu sentiasa menghayati falsafah AKRAB iaitu “Bantu Diri Untuk Membantu Rakan Lain”. Dalam usaha membantu rakan-rakan , anda mendapat pengetahuan, Kemahiran dan pengalaman untuk mempertingkatkan diri dari segi ilmu pengetahuan, tingkah laku, perhubungan, kreativiti dan nilai diri.

## PRINSIP

Bersedia dan rela membantu rakan yang memerlukan bantuan tanpa mengira agama, bangsa, kedudukan, perlakuan dan fizikal.

## PERANAN


- \* Menjadi rakan yang peka kepada perasaan orang lain dan keadaan sekeliling;
- \* Memberi sokongan kepada perubahan yang lebih baik;
- \* Sumber kepada rakan untuk berkongsi permasalahan; dan
- \* Memperkuatkan semangat rakan yang ingin berubah.





## ETIKA

- Amanah dan MENYIMPAN RAHSIA ;
- Menerima dan menghormati orang lain;
- Memahami batasan dan keupayaan diri;
- Sentiasa berusaha mempertingkatkan Kemahiran daripada pelbagai aspek;
- Melaporkan kepada pegawai psikologi tentang kes yang boleh merosakkan diri dan orang lain;
- Merujuk kes/permasalahan yang rumit kepada pegawai psikologi ; dan
- Memahami peraturan dan etika perkhidmatan awam.





# CARTA ORGANISASI AKRAB JABATAN KERKHIDMATAN VETERINAR NEGERI SELANGOR

